ftis 2024

SELANGOR

فستيۏال تراث إسلامي سلاڠور

# FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR

## Mendalami Khazanah Kitab Islam




"Menuntut ilmu adalah takwa. Menyampaikan ilmu adalah ibadah. Mengulang-ulang ilmu adalah zikir. Mencari ilmu adalah jihad."
Abu Hamid al-Ghazali - Pameran Al-Wahyu FTIS 2024

**26 MEI – 02 JUN 2024**

Masjid
**Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,**
Shah Alam

Dengan Kerjasama

Jabatan Agama Islam Selangor

Dengan Sokongan

Menteri Besar Selangor Incorporated
Universiti Islam Selangor / Selangor Islamic University
Universiti Kebangsaan Malaysia / National University of Malaysia
Museum of Islamic Cultural Heritage and Al-Quran Center NARATHIWAT

Rakan Media

IKIMfm, MediaSelangor, TV3, NURFLIX Menerangi Hidupmu

Hotel Rasmi

CONCORDE HOTELS & RESORTS

MALAYSIA MADANI

#KitaSelangor

**ftis** 2024

فستيۏال تراث إسلامي سلاڠور

# FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR




**“Menuntut ilmu adalah takwa. Menyampaikan ilmu adalah ibadah.**
**Mengulang-ulang ilmu adalah zikir. Mencari ilmu adalah jihad.”**
Abu Hamid al-Ghazali - Pameran Al-Wahyu FTIS 2024

# Alu-aluan



**"Penganjuran festival pada tahun ini adalah petanda komitmen Kerajaan Negeri Selangor untuk menyebarkan dan menghidupkan warisan turun-temurun Islam. Turath atau warisan Islam, khususnya warisan ilmiah, adalah obor penyuluh yang dapat memberi pedoman kepada kita bagi mengharung dunia semasa yang penuh pancaroba."**

**YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari**
Dato' Menteri Besar Selangor

#KitaSelangor

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamu'alaikum warahmatu-Llahi wa barakatuh.

Pertama sekali, kita panjatkan sepenuh rasa syukur yang mendalam kepada Allah SWT yang mengurniakan ruang dan luang waktu kepada kita semua untuk bersama-sama menghidupkan bumi Selangor ini dengan deretan acara yang moga-moga menghadirkan keberkatan dan juga hikmah dalam kehidupan kita.

Sesungguhnya saya dan rakyat negeri Selangor berasa sangat berbesar hati dapat menjadi tuan rumah kepada tetamu utama yang kita muliakan, Al-Imam Al-Allamah Profesor Dr. 'Ali Jum'ah, selain puluhan lagi ulama dan cendekiawan yang kita undang sebagai tetamu khas festival kali ini.

Tidak lupa juga kami di negeri ini mengucapkan selamat datang ke Selangor Darul Ehsan untuk para hadirin yang datang dari luar negeri ini dan dari luar negara Malaysia.

Seperti festival tahun lalu yang menonjolkan ulama besar Imam Al-Ghazali, festival kali ini juga mengangkat karya ulama penting dunia Islam, iaitu Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Sharaf Al-Nawawi atau Imam Al-Nawawi.

Penganjuran festival pada tahun ini adalah petanda komitmen Kerajaan Negeri Selangor untuk menyebarkan dan menghidupkan warisan turun-temurun Islam. Turath atau warisan Islam, khususnya warisan ilmiah, adalah obor penyuluh yang dapat memberi pedoman kepada kita bagi mengharung dunia semasa yang penuh pancaroba.

Kerajaan Negeri Selangor percaya festival ini mampu menjadikan warisan Islam sesuatu yang dihargai dan dihayati sepenuh hati oleh umat Islam di Malaysia dan malah juga seluruh nusantara. Usaha ini tidak lain adalah kelangsungan bagi sekian banyak kegiatan menjulang khazanah keilmuan Islam yang sedang digerakkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, termasuk usaha penerjemahan dan penerbitan karya agung Imam Al-Ghazali, *Ihya' Ulumuddin*, yang sebahagiannya sudah pun siap diterjemah dan diterbitkan dalam bentuk kitab 5 jilid yang akan dilancarkan semasa festival nanti.

Sesuai dengan judul kitab *Riyadhu al-Solihin* yang bermaksud taman orang-orang yang soleh, saya memohon kepada Allah SWT semoga negeri ini aman tenteram buat mereka yang bertakwa serta menggemburkan cita-cita murni dan mendorong perilaku baik setiap rakyat di negeri ini.

Akhirul kalam, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang bekerjasama menjayakan festival ini. Semoga permulaan yang baik ini akan menjadi benih yang mencambahkan pohon-pohon yang akarnya teguh dan dahannya menjulang ke langit.

# Tentang
# Festival Turath Islami Selangor

ftis 2024

Festival Turath Islami Selangor dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2023 dengan tujuan menjulang dan mengembangkan warisan keilmuan Islam turun-temurun dari segi kitab-kitab turath dan juga sistem pengajian tradisional.

Sejajar dengan tujuan itu, bagi setiap festival seorang ulama agung Islam dan karyanya diketengahkan. Festival tahun 2023 mengetengahkan Imam Al-Ghazali dan adikaryanya, *Ihya' Ulumuddin*, manakala festival tahun 2024 mengetengahkan Imam Al-Nawawi dan dua karyanya, iaitu kitab himpunan Hadis 40 dan *Riyadhus Solihin*.

Festival Turath Islami Selangor kali kedua ini akan diisi dengan 12 acara utama, termasuk pengajian kitab Hadis Empat Puluh karangan Imam Al-Nawawi yang akan dipimpin oleh Al-Imam Dr. Ali Jum'ah, seminar antarabangsa berkenaan kitab *Riyadhu al-Solihin*, Syarahan Perdana oleh tokoh agamawan Indonesia KH Dr. Said Aqil Siradj dan Ustaz Dr. Adi Hidayat serta persembahan lagu kerohanian oleh artis antarabangsa Abu Sh'ar Bro dari Syria dan Majelis Azzahir dari Indonesia.



> **Ilmu akan sempurna kalau hidup dengan beragama. Agama pula akan cukup kalau hidup dengan berilmu.**
>
> Abu Hamid al-Ghazali

# Acara

## 1 Daurah Hadis 40

Terdiri daripada 12 sesi huraian kitab himpunan 40 hadis susunan Al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi oleh Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah sepanjang lima hari. Daurah sepanjang lima hari ini akan turut diisi dengan enam sesi ulasan oleh Habib Ali Zainal Abidin bin Abu Bakar al-Hamid, Syeikh Mohd Nazrul Abd Nasir, Syeikh Hairul Nizam bin Mat Husin, Ust. Ahmad Fauwaz bin Fadzil, Baba Hj. Ghazali bin Ahmad al-Fathoni dan Dr. Umar bin Muhammad Noor.

## 2 Pameran Al-Wahyu: Tradisi Keilmuan Islam Alam Melayu

Pameran ini akan membawa sejumlah Quran tulisan tangan yang telah ditemui di beberapa negara dan dibaik-pulih untuk tatapan orang ramai. Turut akan dipamerkan sejumlah kitab karya ulama alam Melayu terdahulu. Pengunjung akan menyaksikan betapa kitab warisan Islam bukan saja menampung teks yang hebat dan penting tetapi juga menampilkan seni penerbitan yang menakjubkan. Di samping bahan berkaitan Quran dan kitab agama, turut dipamerkan artifak-artifak purba yang mempunyai hubungan dengan tradisi keilmuan Islam alam Melayu.

## 3 Syarahan Umum

Festival kali ini akan turut diisi dengan dua sesi syarahan umum yang menampilkan tokoh agamawan tersohor tempatan Ust. Muhadir Hj. Joll dengan syarahan berjudul "Petua-petua Mendalami Agama" dan Mufti Aceh Tengku Hj Faisal Ali yang akan membuat penampilan julung-julung kali di Malaysia, dengan syarahan berjudul "Pedoman Menjadi Orang Soleh."

## 4 Syarahan Perdana

FTIS 2024 akan diisi oleh dua syarahan perdana yang berkisar tentang Al-Imam Nawawi, karya dan sumbangan beliau. Acara syarahan perdana berjudul "Kepentingan Kitab Turath dalam Sejarah Nusantara dan Masakini" akan disampaikan oleh Prof. Dr. KH Said Aqil Siradj, bekas pemimpin utama Nahdlatul Ulama Indonesia, pertubuhan Muslim terbesar di dunia yang mempunyai sekitar 95 juta anggota.

Syarahan perdana berjudul "Kehidupan Imam Nawawi sebagai Teladan buat Pencari Ilmu" akan disampaikan oleh Ust. Dr. Adi Hidayat, tokoh agamawan yang video-video ceramahnya diikuti oleh jutaan Muslim seluruh dunia. Beliau juga adalah salah seorang pemimpin pertubuhan Muhammadiyah yang memiliki lebih 60 juta anggota.

## 5 Khatam Hadis 40 & Ijazah Hadis Musalsal

Sesi penutup pengajian Hadis 40 dan pengijazahan hadis musalsal (hadis yang rantaian periwayatnya bersambung sampai kepada Rasululullah SAW) ini akan dipimpin oleh Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah.

**6 Munaqasyah Ilmiah**
Acara ini akan sekali lagi mempertemukan para ulama dari institusi pondok Nusantara dan ahli-ahli akademik tempatan dari beberapa buah universiti Malaysia dengan Al-Imam Profesor Dr. Ali Jum'ah.

**7 Tausiyah Perdana**
Acara ini akan diisi dengan pembacaan wirid dan selawat Dalail al-Khairat dan tausiyah oleh Al-Imam Profesor Dr. Ali Jum'ah.

**8 Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin**
Seminar ini akan diadakan sepanjang dua hari dan diisi dengan pembentangan oleh ulama serantau dari Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand. Seminar akan turut diisi dengan forum khas yang menampilkan YAB Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Al-Imam Profesor Dr. Ali Jum'ah, dan YAB Dato' Menteri Besar Datuk Seri Amirudin bin Shari.

**9 Konsert Alunan Mahabbah**
Kumpulan Abu Shaar Bro, seniman antarabangsa dari Syria, dibawakan khusus ke Selangor untuk FTIS 2024 bagi melakukan persembahan lagu-lagu berisi puji-pujian kepada Allah dan Rasul SAW.

**10 Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah**
Acara ini akan menghimpunkan para ilmuan agama lulusan universiti Timur Tengah dalam sesi tausiyah dan perbualan bertema "Peranan Hakiki Ilmuwan Timur Tengah dalam Konteks Semasa" bersama Al-Imam Profesor Dr. Ali Jum'ah.

**11 Darul Ehsan Berselawat & Maulid Akbar**
Acara ini merupakan kesempatan amat istimewa untuk umat Islam Malaysia menikmati lantunan lagu-lagu kerohanian berisi puji-pujian kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW yang akan dipersembahkan oleh kumpulan qasidah tersohor Majelis Azzahir dari Pekalongan, Indonesia. Acara ini akan turut diserikan dengan kehadiran Habib Ali Zaenal Abidin dan Habin Jindan bin Novel.

# Pameran Al-Wahyu
## Tradisi Keilmuan Islam Alam Melayu

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang penting dan dipelihara oleh Allah SWT sehingga hari akhirat. Sebagai kitab suci yang menjadi bacaan dan hafalan umat Islam, naskhah al-Quran telah disalin dan dijilid oleh para pemerintah Islam untuk kegunaan kerajaan dan juga untuk dihantar kepada wilayah jiran sebagai hadiah kerajaan. Naskah al-Quran yang ditulis dan disalin di alam Melayu mempunyai susunan dan bilangan juzuk, surah serta ayat yang sama dengan al-Quran yang dihasilkan di wilayah Islam di luar alam Melayu.

Pameran ini akan membawa sejumlah Quran tulisan tangan yang telah ditemui di beberapa negara dan dibaik-pulih untuk tatapan orang ramai. Turut akan dipamerkan sejumlah kitab karya ulama alam Melayu terdahulu. Pengunjung akan menyaksikan betapa kitab warisan Islam bukan saja menampung teks yang hebat dan penting tetapi juga menampilkan seni penerbitan yang menakjubkan. Di samping bahan berkaitan Quran dan kitab agama, turut dipamerkan artifak-artifak purba yang mempunyai hubungan dengan tradisi keilmuan Islam alam Melayu.



# Tokoh
# Biografi Speaker



**Al-Imam al-Allamah Prof. Dr. Ali Jum'ah** (Mesir)
Bekas Mufti Agung Negara Mesir

Al-Imam Prof. Dr. Ali bin Jum'ah bin Muhammad al-Azhari adalah bekas Mufti Agung negara Mesir yang memegang jawatan tersebut dari tahun 2003 hingga 2013. Beliau juga merupakan salah seorang anggota Majlis Tertinggi Ulama al-Azhar al-Syarif. Al-Imam memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang usul feqah dari Universiti al-Azhar. Antara guru beliau yang termasyhur adalah Al-Allamah Syeikh Abdul Fattah Ghuddah dan Al-Allamah al-Muhaddith Syeikh Abdullah Siddiq al-Ghumari, manakala antara muridnya yang tersohor adalah Syeikh Dr. Majdi 'Asyur, Syeikh Dr. Usamah Sayyid Mahmud dan Al-Habib Ali al-Jufri.

Al-Imam pernah diberikan pelbagai penghormatan, antaranya Bintang Kehormat Peringkat Pertama oleh Y.T.M. Raja Jordan Raja Abdullah II dan Bintang al-Quds oleh Presiden Palestin Mahmoud Abbas.



**Prof. Dr. Kiai Hj. Said Aqil Siradj** (Indonesia)
Mustasyar Pengurus Besar Nahdlatul Ulama

Profesor Dr. Kiai Haji Said Aqil adalah salah seorang tokoh utama penggerak dakwah Islam Nusantara dan berperanan sebagai jurubicara dakwah Islam khas Ahlussunnah wal Jamaah Annahdliyah ke peringkat antarabangsa. Pada tahun 2010–2012, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Umum Pengurus Besar Nahdlatul Ulama Indonesia, iaitu pemimpin utama bagi pertubuhan Muslim terbesar di dunia yang dianggarkan memiliki sekitar 95 juta ahli.

Kiyai Haji Said dinobatkan oleh Republika sebagai Tokoh Perubahan Tahun 2012 atas sumbangan dan komitmennya mengawal keutuhan Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) serta berperanan aktif dalam perdamaian dunia, khususnya di kawasan Timur Tengah.



**Sahibus Samahah Dato' Setia Prof. Madya Dr. Hj. Anhar bin Haji Opir** (Malaysia)
S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah (Feqh Wa Usuluh) Mumtaz dari The World Islamic-Sciences And Education University (WISE), Jordan, Ijazah Sarjana (Falsafah Islamiyah) Mumtaz dari Universiti Kaherah, Mesir dan Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Syariah Islamiyah) dari Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang Pensyarah di Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam(CTU) di UiTM Pahang (Julai-Disember 2006) dan di UiTM Melaka (Januari-Jun 2007). Beliau kemudiannya menjadi Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada Ogos 2007.

Beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Mufti Selangor bermula Januari 2016 hingga 20 Mei 2021 sebelum dilantik sebagai Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor ke-7 berkuatkuasa pada 21 Mei 2021.



**Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar** (Malaysia)
Penyandang Kerusi Al-Ghazali, ISTAC-IIUM

Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar telah mengarang dan menyunting sekitar 40 buah buku dan lebih daripada 300 artikel mengenai pelbagai aspek pemikiran dan peradaban Islam, terutama dalam sains dan falsafah Islam di mana beliau adalah pakar utama. Antara bukunya yang terkenal adalah Classification of Knowledge in Islam (1992) dan Tawhid and Science (1992). Buku terbarunya berjudul Al-Farabi: Life, Works and Significance (2018) (edisi kedua baru) dan Colonialism in the Malay Archipelago: Civilizational Encounters (penyunting bersama) (2020). Beliau meraih Ijazah Doktor Falsafah dalam falsafah Islam dari Temple University, Philadelphia (Amerika Syarikat), dan kini menduduki Kerusi Al-Ghazali dalam bidang Epistemologi dan Kajian Pembaharuan Peradaban di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Peradaban Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Nama beliau tersenarai sebagai antara 500 Muslim paling berpengaruh di dunia sejak 2009. Beliau telah dianugerahkan gelaran Dato' pada tahun 1994 oleh DYMM Sultan Pahang dan Datuk oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2000.



**Baba Hj. Ghazali Ahmad Al-Fathoni** (Thailand)
Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani

Baba Haji Ghazali merupakan seorang ulama tersohor di Pattani, Thailand. Kini, beliau memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Patani, ahli jawatankuasa Persatuan Ulama Fatoni dan Yang di Pertua Persatuan Jam-lah Habullah untuk mengkaji isu-isu semasa. Beliau bertugas sebagai Tuan Guru (Syaikh Ma'had) Pondok Al-Islami Liddirasat Al-Islamiah, Kampung Wakaf Budi, Sekam, Patani.



**Prof. Datuk Dr. Muhammad Nur Bin Manuty** (Malaysia)
Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty merupakan salah seorang bekas Presiden ABIM yang paling berpengaruh. Beliau meraih ijazah MA dan PhD. dari Temple University, Amerika Syarikat (1978–87) dalam bidang pemikiran Islam dan perbandingan agama dan berguru secara langsung pada pemikir Islam semasa tersohor (al-Marhum) Prof. Ismail Raji al-Faruqi dan filasuf terkenal Seyyed Hossein Nasr.

Beliau pernah mengajar di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam UKM dan berkhidmat sebagai Profesor Madya di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama UIA (1983–99).

Dr. Muhammad Nur kini memegang jawatan pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Presiden Kolej Dar Al-Hikmah, ahli felo kehormat Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) kawasan Asia Timur dan Asia Tenggara, ahli lembaga penasihat Kesatuan Ulama Sedunia Cabang Malaysia serta Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Universiti Selangor (UNISEL).



**Prof. Dr Habib Sayyed Abdul Hamid bin Ali Al-Mahdaly** (Indonesia)
Pengasas Pondok Tahfiz Jami'ah Al-Imam Al-Ghazaly

Syeikh Prof. Dr. Assayyed Abdul Hamid bin Ali al-Mahdaly merupakan Pengasas dan Mudir Pondok Tahfiz Jami'ah Al-Imam Al-Ghazaly. Beliau merupakan bekas pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darusslam, Institusi Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Beliau memiliki ijazah sarjana muda (BA), sarjana (MA) dan Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam bidang Tafsir dan Ulum al-Qur'an (Usuluddin) dari Universiti Al-Azhar, Mesir.



**Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid** (Malaysia)
Pengerusi Yayasan Ar-Ri'ayah

Habib Ali Zaenal Abidin merupakan pengasas dan pengerusi Yayasan Ar-Ri'ayah di Kuala Lumpur. Beliau dilantik menjadi pentadbir utama Majlis Ta'lim Darul Murtadza setelah pengasasnya, Habib Abdul Qadir Al-Jufri, pindah ke Johor dan kini merupakan pembimbing institusi tersebut. Beliau berasal dari Indonesia tetapi kini menetap di Malaysia sebagai pendakwah dan pendidik. Beliau merupakan antara anak murid Al Habib Umar bin Hafidz yang pertama di Dar Al Mustafa. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Usuluddin di Universiti Al-Azhar, Mesir, Ijazah Sarjana dalam jurusan pengajian Al-Quran & As-Sunnah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan kini dalam usaha menyempurnakan mengajian di peringkat doktor falsafah.



**Tengku Hj. Faisal Ali** (Aceh, Indonesia)
Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh (MPU)

Tengku Haji Faisal Ali merupakan Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh (MPU) Aceh. Beliau juga merupakan Pimpinan LPI Mahyal 'Ulum Al-Aziziyah dan Ketua Tanfidziyah PWNU Aceh. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Umum Rabithah Thabilan Aceh (RTA) dan Ketua Nadhiriyah Rabithah Talhibah Aceh dan terlibat dalam Sekretaris Himpunan Ulama Dayah (HUDA). Beliau mendapat pendidikan awal di Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTSN) 2 Aceh Jaya dan Pondok Pesantren Mudi Mesra, Aceh.



**Habib Jindan bin Novel bin Salim Jindan** (Indonesia)
Pimpinan Pondok Pesantren Al Fachriyah

Habib Jindan merupakan pimpinan Pondok Pesantren Al Fachriyah, Lembaga Pendidikan Syari'at Islam berhaluan Ahlussunnah Wal Jama'ah di Indonesia. Beliau juga merupakan anggota Majelis Syura, anggota Majlis Alwafa bi Ahdillah, penasihat Majelis Silaturahmi Ulama dan Habaib di Tangerang, Indonesia. Beliau telah mendapatkan pendidikan awal di SD Islam Meranti dan Madrasah Jami'yatul Khair di Indonesia. Beliau juga antara graduan terawal Dar Al-Mustafa, Tarim, Yaman. Antara guru-guru beliau ialah Al-Habib Abdul Qadir bin Ahmad As-Seggaf, Al-Walid Al-Habib Naufal bin Salim bin Jindan dan Al-Habib Umar bin Muhammad bin Salim bin Hafiz



**Ustaz Dr. Adi Hidayat** (Indonesia)
Pengarah Pusat Kajian Islam Quantum Akhyar Institute

Ustaz Dr. Adi Hidayat (UAH) merupakan Pengarah Pusat Kajian Islam Quantum Akhyar Institute. Beliau juga merupakan Naib Pengerusi Anggota Pimpinan Majlis Tabligh Pusat Muhammadiyah. Beliau memiliki Sarjana (MA) Kulliyyah Da'wah Islamiyyah dari International Islamic Call College Tripoli, Libya dan menerima ijazah doktor (Honorary Doctorate) dalam bidang Pengurusan Pendidikan Islam dari Universiti Muhammadiyah Jakarta (UMJ). Beliau juga telah menghasilkan karya seperti Muslim Zaman Now Hafal al-Qur'an Dalam 30 Hari (2018), Bahagia Di bawah Naungan alQur'an dan Sunnah (2018), Manusia Paripurna: Kesan, Pesan dan Bimbingan al-Qur'an (2019) dan Metode At-Taisir – 30 Hari Hafal Al-Quran (2019).



**Ustaz Muhammad Tarmizi Abdul Wahid** (Singapura)
Presiden Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS)

Ustaz Muhammad Tarmizi Abdul Wahid merupakan Presiden Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS). Beliau juga merupakan Pengasas dan Ketua Eksekutif Safinah Holdings Pte Ltd dan Ketua Eksekutif AMP Singapore. Beliau pernah berkhidmat di Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) sebagai Sekretariat Biro Mufti dan anggota Jawatankuasa Fatwa. Beliau memiliki Diploma Fiqh Islamiah dari Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dan Sarjana Muda (BA) Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir.



**K.H. Marzuki Wahid** (Indonesia)
Rektor Institut Studi Islam Fahmina (ISIF)

K.H. Marzuki Wahid merupakan rektor Institut Studi Islam Fahmina (ISIF) Cirebon, Indonesia yang telah dilantik pada 2021. Beliau juga merupakan Mudir Ma'had Aly Kebon Jambu. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda (BA) Jurusan Syari'ah di Universiti Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia dan Hukum Islam (MA) di Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia.



**Syeikh Mohd Nazrul Abd Nasir** (Malaysia)
Mudir Pusat Pengajian Zawiyah Nasiriyyah

Mudir Pusat Pengajian Zawiyah Nasiriyyah ini adalah salah seorang murid kepada Al-Imam al-Allamah Prof. Dr. Ali Jum'ah. Sebelum pulang ke Malaysia, beliau memimpin pusat pengajian Ruwaq Jawi di Mesir sebagai Syeikh Ruwaq selain menjadi salah seorang tenaga pengajar di Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah.

Beliau diperakui sebagai salah seorang pakar dalam bidang ilmu bahasa Arab, Sirah Nabi SAW, fiqh dan teks turath, dan kini diberi kepercayaan sebagai salah seorang Ahli Lembaga Zakat Kedah. Syeikh Nazrul giat menjalankan kegiatan menterjemah dan menulis dalam bahasa Melayu dan juga Arab serta telah menghasilkan hampir 20 buah karya, termasuk syair indah berbahasa Melayu tentang Junjungan Besar Rasulullah SAW.



**Syeikh Hairul Nizam Mat Husin** (Malaysia)
Syeikh Ruwaq Jawi

Syeikh Hairul Nizam adalah Syeikh Ruwaq Jawi, pusat pengajian Islam berpendekatan tradisional yang berpusat di Kaherah, Mesir. Beliau meraih Ijazah Sarjana dalam bidang Usul Feqah menerusi penelitian terhadap pelbagai pandangan Al-Imam Fakhruddin al-Razi dalam tiga kitab Usul Fiqh beliau, iaitu Al-Mahsul, Al-Muntakhab dan Al-Ma'alim.

Sebelum bergiat dengan Ruwaq Jawi, Syeikh Hairul Nizam memegang jawatan sebagai Presiden Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir selama dua tahun (2006–2007). Beliau telah menghasilkan sebanyak 14 buah karya penulisan, termasuk Tahqiq Kitab Jam' al-Nihayah fi Bad' al-Khair wa Ghayah dan Tahqiq Kitab al-Arba'in al-Nawawiah.



**Tuan Guru Ustaz Muhadir Haji Joll** (Malaysia)
Penasihat Syariah Galeri Ilmu Media Group

Tuan Guru Ustaz Muhadir Haji Joll merupakan Penasihat Syariah Galeri Ilmu Media Group. Beliau juga merupakan Felo Nadwah Ahli Sunnah Wal Jamaah Darul Ridzuan (NADWAH) Jabatan Mufti Negeri Perak dan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Fatwa Negeri Johor (Bahagian Aqidah) Jabatan Mufti Negeri Johor. Beliau pernah menjadi pensyarah di Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) selama 15 tahun sebelum memilih untuk melepaskan jawatan untuk berdakwah sepenuh masa. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda (BA) (Al-Quran dan Hadis) dan Sarjana (MA) Tafsir Al-Quran dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Ustaz Muhadir Haji Joll telah menghasilkan lebih daripada 54 buah karya ilmiah agama seperti Nurul Fahmi: Asas-asas Fardhu Ain (2023), Sifat 20: Satu Pengenalan Asas (2022), Ilmu Tauhid: Ilahiyyat, Nubuwwat dan Sam'iyyat (2022), Qalbun Salim: Syarah Kitab Penawar Bagi Hati (2019), Mishbah ad-Duja Syarah Kitab Safinah an-Naja (2016) dan Praktikal Solat Sempurna (2016).



**Prof. Madya Dr. Umar Muhammad Noor** (Malaysia)
Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Prof. Madya Dr. Umar Muhammad Noor merupakan seorang pensyarah di Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau pernah menjadi pensyarah Usuluddin dan Syariah, di Kolej Marsah, Johor Bahru dan Institut Pengajian Tinggi Islam Al-Zuhri, Singapura. Beliau juga merupakan pembentang daurah kitab di masjid-masjid seluruh Malaysia. Beliau pernah memegang jawatan sebagai ketua penyunting Majalah al-Ustaz di Telaga Biru Sdn Bhd. Beliau mendapatkan pendidikan Sarjana Muda (BA) Usuluddin (Tafir Hadis) di Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta, Sarjana (MA) Al-Sunnah wa Ulum al-Hadis di Universiti Islam Omm Durman, Sudan dan Doktor Falsafah (Hadis) di Universiti Malaya.



**Ustaz Ahmad Lutfi Muharam** (Malaysia)
Pensyarah Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling

Ustaz Ahmad Lutfi Muharam adalah pensyarah di Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh sejak 2011 sehingga sekarang. Beliau mendapat pendidikan dalam bidang Syariah dan bahasa Arab di madrasah yang sama sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang feqah di Hudaidah Yaman. Ustaz Ahmad Lutfi juga mengisi slot soal jawab agama Tahsinul Ibadah di Radio IKIM.



**Prof. Dr. Siti Rugayah Hj Tibek** (Malaysia)
Prof. Kehormat Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Dr. Siti Rugayah Hj Tibek, akrab dengan panggilan Bonda Siti, merupakan Penasihat Akademi Bonda Nor Sdn. Bhd. dan penulis buku Aku Pasrah Kalian Pulang (2020) dan Mengejar Cinta-Nya (2022). Beliau merupakan Prof Kehormat Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga merupakan bekas profesor di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Pengarah Dakwah dan Kepimpinan, dan Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Islam, Institut Islam Hadhari UKM. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengarah Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

# Biografi Moderator



**Prof. Madya Dato' Dr. Hj Mohd Farid Ravi bin Abdullah** (Malaysia)
Naib Canselor, Universiti Islam Selangor (UIS)

Prof. Madya Dato' Dr. Haji Mohd Farid Ravi Abdullah merupakan Naib Canselor/Ketua Eksekutif Universiti Islam Selangor (UIS). Beliau pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, pensyarah dan eksekutif Pusat Islam, pengarah Institut Kajian Hadis dan Akidah, pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan pengarah Pusat Pengajian Siswazah di UIS. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda (BA) Usuluddin dari Al-Bayt University, Jordan, Ijazah Sarjana (MA) Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam bidang Tafsir dan Ulum Al-Quran dari University of Jordan pada tahun 2015.



**Prof. Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail** (Malaysia)
Pensyarah di Jabatan Siasah Syar'iyyah (Sains Politik Islam), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Prof. Dr. Sharifah Hayaati merupakan Professor Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM). Beliau pernah dilantik menjadi Professor Adjung di Universiti Islam Sultan Shariff Ali (UNISSA), Brunei. Prof. Dr. Sharifah merupakan seorang penyelidik dan cendekiawan yang mahir dalam bidang Pentadbiran Islam, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Tadbir urus Halal, Integriti dan Kepimpinan Wanita.

Prof. Dr. Syarifah Hayaati telah menghasilkan lebih daripada 290 penulisan termasuk buku dan jurnal (Scopus, Mycite dan jurnal-jurnal antarabangsa) seperti Islam & Governance in Malaysia (Eds.), University Malaya Press (2022), Civil Society in Malaysia: Issue and Challenges (Eds.), University Technology Mara Press (2022) dan The forthcoming Virtual Civil Society in Malaysia-Challenge and Continuity (Eds.), UUM Press (2022). Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda (BA) kelas pertama Syariah dari Universiti Malaya, Sarjana (MA) Perbandingan Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Kedoktoran (Ph.D.) Pengajian Pentadbiran dan Polisi dari University of Bristol, England.



**Ustaz Ahmad Fauwaz bin Fadzil** (Malaysia)
Konsultan Syariah Telaga Biru

Ustaz Fauwaz Fadzil adalah Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Beliau juga merupakan Anggota Kesatuan Ulama Muslim Sedunia dan Penasihat Syariah di beberapa lembaga, antaranya Alliance Bank, Hospital Pusrawi, FWD Takaful dan Telaga Biru Sdn. Bhd. Beliau pernah menjabat sebagai panel Pakar Aqidah, Jabatan Agama Perak.

Beliau juga merupakan bekas pensyarah di Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS). Beliau mempunyai kepakaran dalam Usul Fiqh, Kaedah Fiqhiyyah dan Fiqh Perubatan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda (BA) Syariah dari Universiti Al-Azhar, Sijil Kemahiran Fatwa Darul Ifta' Mesir dan Sarjana (MA) Syariah dari Universiti Malaya (UM)

# Jadual Festival

## HARI PERTAMA 26 Mei 2024 (Ahad)

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
| --- | --- | --- |
| 8.00 am – 12.00 pm | Perasmian Festival Turath Islami Selangor 2024<br>- YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor<br><br>Daurah Hadis 40 (Sesi 1)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>Ulasan Daurah Hadis 40 : Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 2.00 pm – 4.15 pm | Pembukaan Pameran Al-Wahyu<br><br>Dirasmikan oleh:<br>YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi Ngah,<br>EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi<br><br>Lawatan Pameran (Tetamu Khas)<br><br>Forum :<br>Tradisi Keilmuan Islam Alam Melayu<br><br>Panel :<br>1. Ustaz Muhamad bin Abdullah<br><br>2. Ts. Dr. Ros Mahwati Ahmad Zakaria<br><br>3. Ustaz Mohamad Aizuddin Abdul Aziz | Dewan Seminar<br>Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 4.30 pm – 6.00 pm | Daurah Hadis 40 (Sesi 2)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 7.00 pm – 10.00 pm | Marhaban<br>- Kumpulan Marhaban Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah<br><br>Daurah Hadis 40 (Sesi 3)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam |

## HARI KEDUA 27 Mei 2024 (Isnin)

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 9.00 am – 12.00 pm | Daurah Hadis 40 (Sesi 4)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>Ulasan Daurah Hadis 40 : Syeikh Mohd Nazrul Abd Nasir | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 2.00 pm – 4.00 pm | Lawatan Bersama Kurator, Pameran Al-Wahyu | Dewan Seminar<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 4.30 pm – 6.00 pm | Daurah Hadis 40 (Sesi 5)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 7.00 pm – 10.00 pm | Qasidah : Kumpulan al-Madad<br><br>Daurah Hadis 40 (Sesi 6)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |

## HARI KETIGA 28 Mei 2024 (Selasa)

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 9.00 am – 12.00 pm | Daurah Hadis 40 (Sesi 7)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>Ulasan Daurah Hadis 40 : Syeikh Hairul Nizam Mat Husin | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 2.00 pm - 4.00 pm | Lawatan Bersama Kurator, Pameran Al-Wahyu | Dewan Seminar<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 4.30 pm – 6.00 pm | Daurah Hadis 40 (Sesi 8)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 7.00 pm – 10.00 pm | Maulid al-Diya' al-Lami' & Qasidah : Kumpulan Darul al-Murtadza<br><br>Daurah Hadis 40 (Sesi 9)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |

## HARI KEEMPAT 29 Mei 2024 (Rabu)

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
| --- | --- | --- |
| 9.00 am – 12.00 pm | Daurah Hadis 40 (Sesi 10)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>Ulasan Daurah Hadis 40 : Ust. Ahmad Fauwaz bin Fadzil | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 2.00 pm - 4.00 pm | Lawatan Bersama Kurator, Pameran Al-Wahyu | Dewan Seminar<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 4.30 pm – 6.00 pm | Syarahan Umum : Ust. Muhadir Hj. Joll<br><br>"Petua-petua Mendalami Ilmu Agama" | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 7.00 pm – 10.00 pm | Kuliah Maghrib : Baba Hj. Ghazali Ahmad Al-Fathoni<br><br>"Pengenalan kepada Riyadhu as-Salihin Imam Nawawi"<br><br>Syarahan Perdana : Prof. Dr. Kiai Hj. Said Aqil Siradj<br><br>"Kepentingan Kitab Turath dalam Sejarah Nusantara dan Masakini" | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |

## HARI KELIMA 30 Mei 2024 (Khamis)

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
| --- | --- | --- |
| 9.00 am – 12.00 pm | Daurah Hadis 40 (Sesi 11)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>Ulasan Daurah Hadis 40 : Baba Hj. Ghazali Ahmad Al-Fathoni | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 2.00 pm - 4.00 pm | Lawatan Bersama Kurator, Pameran Al-Wahyu | Dewan Seminar<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 4.30 pm – 6.00 pm | Daurah Hadis 40 (Sesi 12)<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 7.00 pm – 10.00 pm | Ulasan Daurah Hadis 40 : Dr. Umar Muhammad Noor<br><br>Khatam Hadis 40 & Ijazah Hadis Musalsal:<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |

## HARI KEENAM 31 Mei 2024 (Jumaat)

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 6.00 am - 7.30 am | Kuliah Subuh & Bacaan Hizb Nawawi : Ust. Muhadir Hj Joll<br><br>"Kaedah & Faedah Wirid Imam Nawawi" | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 9.30 am - 12.00 pm | Syarahan Perdana : Ust. Dr. Adi Hidayat<br><br>"Kehidupan Imam Nawawi sebagai Teladan buat Pencari Ilmu" | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 2.30 pm - 4.00 pm | Lawatan Bersama Kurator, Pameran Al-Wahyu | Dewan Seminar<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 4.30 pm – 6.00 pm | Syarahan Umum:<br>Tengku Hj. Faisal Ali, Mufti Aceh<br><br>"Pedoman Menjadi Orang Soleh" | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 7.00 pm – 10.00 pm | Maulid Syarabut Thohur & Qasidah : Kumpulan Darul al-Murtadza<br><br>Tausiyah Perdana : "Baiti Jannati Zaman Digital"<br><br>Tetamu Kehormat:<br>- Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>- YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor<br><br>- Sesi Pembukaan: Bacaan & Pengijazahan Dala'il Khairat | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |

## HARI KEENAM 31 Mei 2024 (Jumaat) Tempat : Universiti Islam Selangor

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 8.30 am - 12.30 pm | Munaqasyah Ilmiah [Acara Tertutup]<br><br>"Sistem pengajian Turath: Antara pendekatan tradisional dan moden"<br><br>- Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>- Ustaz Ahmad Lutfi Muharam<br><br>- Baba Hj. Ghazali Ahmad Al-Fathoni<br><br>- Prof. Dr. Siti Rugayah Binti Hj. Tibek<br><br>- Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur bin Manuty<br><br>Moderator : Dato' Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi Bin Abdullah | Auditorium<br>Dr. Zainuddin Jaafar,<br>Universiti Islam Selangor |

## HARI KETUJUH 1 Jun 2024 (Sabtu)

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 6.00 am - 7.45 am | Kuliah Subuh : Ust. Dr. Adi Hidayat<br><br>“Tafsir Surah Ad-Dhuha” | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 9.00 am - 12.00 pm | Perasmian: Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin<br><br>Perbualan khas : “Imam Nawawi & Riyadhu as-Salihin”<br><br>1. YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia<br><br>2. YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor<br><br>3. Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>4. Ust. Dr. Adi Hidayat<br><br>Moderator : Dato' Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi Bin Abdullah<br><br>Peluncuran : Terjemahan Kitab Ihya' Ulumuddin & Hadis 40 | Dewan Orchid<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 2.00 pm - 4.00 pm | Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin (Sesi 1)<br><br>“Peradaban Akhlak dari Riyadhu as-Salihin”<br><br>1. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur bin Manuty<br><br>2. Dr. K.H. Marzuki Wahid<br><br>Moderator : Syeikh Mohd Nazrul Abd Nasir | Dewan Orchid<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 5.00 pm - 7.00 pm | Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin (Sesi 2)<br><br>“Riyadhu as-Salihin dan pembentukan nilai masyarakat Muslim dalam sejarah”<br><br>1. Prof. Dr Habib Sayyed Abdul Hamid bin Ali Al-Mahdaly<br><br>2. Ust. Tarmizi Abdul Wahid<br><br>Moderator : Ust. Ahmad Fauwaz bin Fadzil | Dewan Orchid<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah,<br>Shah Alam |
| 8.00 pm - 11.00 pm | Konsert Alunan Mahabbah [Konsert Terbuka]<br><br>Menampilkan :<br>Abu Shaar Bro & Al-Imam al-Allamah<br>Profesor Dr. Ali Jum'ah | Dataran Karnival,<br>Stadium Shah Alam |

# HARI KELAPAN 2 Jun 2024 (Ahad)

| MASA | ATUR CARA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 6.00 am - 7.30 am | Kuliah Subuh : Ustaz Tarmizi Abdul Wahid<br><br>"Mukmin Kuat Lebih Dicintai: Petua Pembangunan Diri Berpandu Hadith Nabi SAW" | Dewan Solat Utama,<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah, Shah Alam |
| 8.30 am - 10.30 am | Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin (Sesi 3)<br><br>"Memanfaatkan Riyadhu as-Salihin untuk mengatasi kemelut kerohanian Muslim moden"<br><br>1. Habib Jindan bin Novel bin Salim Jindan<br><br>2. Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar<br><br>Moderator : Syeikh Hairul Nizam Mat Husin | Dewan Orchid<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah,<br>Shah Alam |
| 10.45 am - 12.45 am | Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin (Sesi 4)<br><br>"Peranan wanita dalam perspektif tradisi"<br><br>1. Prof. Dr. Siti Rugayah Hj. Tibek<br><br>2. Dr. Umar Muhammad Noor<br><br>Moderator : Prof. Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail | Dewan Orchid<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah,<br>Shah Alam |
| 2.00 pm - 4.00 pm | Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin (Sesi 5)<br><br>"Feqh Kenegaraan: Ibrah Nabawiah"<br><br>1. Sahibus Samahah Dato' Setia Prof. Madya Dr. Hj. Anhar Hj. Opir<br><br>2. Baba Hj. Ghazali Ahmad Al-Fathoni<br><br>Moderator : Marwan Bukhari | Dewan Orchid<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah,<br>Shah Alam |
| 5.00 pm - 7.00 pm | Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah (Bahasa Arab)<br><br>"Peranan Hakiki Ilmuwan Timur Tengah dalam Konteks Semasa"<br><br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah<br><br>Tetamu Kehormat : YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor | Dewan Solat Utama<br>Masjid Sultan Salahuddin<br>Abdul Aziz Shah,<br>Shah Alam |
| 8.00 pm - 11.00 pm | Darul Ehsan Berselawat & Maulid Akbar<br><br>Menampilkan : Majelis Azzahir Pekalongan,<br>Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah,<br>Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid,<br>Habib Jindan bin Novel bin Salim Jindan | Dataran Karnival,<br>Stadium Shah Alam |

ftis 2024

فيستيۏال تراث إسلامي سلاڠور

# FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR

## SEKRETARIAT TURATH ISLAMI SELANGOR

Penaung : **Dato' Seri Amirudin Shari**
Pengerusi : **Ammar Gazali**
Pengarah : **Mohd Farhan Nor Affandi**
Setiausaha : **Ashraf Hadi**
Penyelaras Utama FTIS 2024 : **Yana Rizal**

**Ahli Jawatankuasa :**
Ahmad Faiz Mohd Khalil . Syukry Syaqireen Sarjimin . Mohd Fakhri Nor Affandi . Al-Mustaqeem Mahmod Radhi
Marwan Bukhari . Mohd Anwar Mohd Yusof . Muhammad Arsyaad Hamizan

www.turathislamiselangor.com

Festival Turath Islami Selangor turathislami #festivalturathislamiselangor turathislamiselangor